

ANALISIS TASAWUR, MATLAMAT DAN ELEMEN *HISBAH* DI MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM, KELANTAN

Azrin Ibrahim¹

¹Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 11 April 2018

To cite this document:

Ibrahim, A. (2018). Analisis Tasawur, Matlamat dan Elemen *Hisbah* di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(7), 23-35.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan meneliti hisbah dari aspek tasawur, matlamat dan elemen yang terdapat di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Kelantan. Penelitian ini dilakukan bertitik tolak daripada dua isu utama. Pertama, segelintir pengkaji kontemporari di Malaysia berpandangan institusi hisbah pada masa ini masih wujud, tetapi mengguna pakai konsep dan perkaedahan yang tersendiri. Persoalannya, sejauh mana kenyataan ini benar dalam konteks institusi di Malaysia? Atas sebab itu, kajian ini cuba meneliti akar umbi hisbah dari aspek tasawur, matlamat dan elemennya di MPKB-BRI. Isu kedua, MPKB-BRI merupakan institusi yang memikul tanggungjawab untuk membangun dan mentadbir Kota Bharu, Kelantan dengan berlandaskan ajaran Islam seiring dengan slogan yang digalas “Membangun bersama Islam”. Oleh itu, setakat mana hisbah diperjuangkan bersama dalam pentadbiran MPKB-BRI memandangkan hisbah juga merupakan satu ilmu yang lahir mengikut acuan Islam? Kajian ini secara umumnya berhasrat mencari jawapan kepada isu-isu ini. Data kajian ini dikumpul menerusi kaedah temu bual untuk mendapatkan data primer manakala kaedah kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan data sekunder. Dapatan yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini merumuskan bahawa terdapat kesesuaian antara tasawur, matlamat dan elemen hisbah dan MPKB-BRI. Dapatan juga memperlihatkan MPKB-BRI telah berusaha untuk melaksanakan hisbah dalam pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperkukuh dan dipertingkat dari semasa ke semasa untuk menjadikan pengamalan hisbah di MPKB-BRI lebih bersifat efisien dan holistik.*

Kata kunci: *Tasawur, Matlamat dan Elemen Hisbah, MPKB-BRI Kelantan*

ANALYSIS OF TASAWUR, GOALS AND ELEMENTS OF *HISBAH* AT THE KOTA BHARU MUNICIPAL COUNCIL, ISLAMIC CITY, KELANTAN

Azrin Ibrahim¹

¹Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Abstract: *This paper aims to examine hisbah from aspects of tasawur, goals and elements which are found in Kota Bharu Municipal Council of Islamic City (MPKB-BRI), Kelantan. This research is based on two main issues. First, a handful of contemporary researchers in Malaysia say that the current institution of hisbah still exists, but adopts its own concepts and practices. The question is, how far is this statement true in the context of Malaysian institutions? For this reason, this paper attempts to examine the roots of hisbah from aspects of tasawur, goals and elements in MPKB-BRI. The second issue, MPKB-BRI is an institution that is responsible for developing and administering Kota Bharu, Kelantan based on Islamic teachings in line with the slogan (Membangun bersama Islam) "Develop with Islam". Hence, how is the basics of hisbah being fought together in the administration of MPKB-BRI as hisbah is also a knowledge that is born according to Islamic references? This paper is generally intended to find answers to these issues. The data of this study was collected through the interview method to obtain the primary data while the library method was used to obtain secondary data. The findings were analyzed using content analysis method. The paper concludes that there is compatibility between tasawur, goals and elements of hisbah and MPKB-BRI. The findings also show that MPKB-BRI has been working to implement hisbah in various aspects. However, there are still some things that need to be strengthened and enhanced from time to time to make the practice of hisbah in MPKB-BRI more efficient and holistic.*

Keywords: *Tasawur, goals and elements of hisbah, MPKB-BRI Kelantan*

Pendahuluan

Hisbah merupakan satu disiplin ilmu yang penting dalam Islam (Ibrahim Dasuqiy, 1962:19; Mardzelah Makhsin, 2008:1). Pensyariatannya adalah bertitik tolak daripada suruhan-suruhan Allah SWT menerusi seruan *al-amr bi al-ma'ruf¹ wa al-nahy 'an al-munkar²* yang terdapat dalam al-Qur'an (Ibn Taymiyyah, 1994:21; al-Ghazaliy, 1984:9; Asmadi Mohamed Naim,

¹ Perkataan *ma'ruf* ertinya perkara-perkara baik meliputi perkataan, perbuatan dan tingkah laku yang dituntut di sisi syarak (Ibrahim Dasuqiy, 1962:9).

² Perkataan *munkar* pula meliputi semua bentuk perkataan, perbuatan dan tingkah laku yang dilarang serta ditegah oleh syarak (Ibrahim Dasuqiy, 1962:9). Menurut pandangan 'Abd al-Hasib Ridwan (1990:24-34), *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* merupakan suatu kewajipan dan kemestian yang sangat dituntut bagi menyelamatkan manusia daripada terjerumus ke kancuh kekufuran dan kemungkaran.

2008:78). Memandangkan *hisbah* merupakan satu disiplin ilmu yang lahir dalam Islam dan dipraktikkan sendiri oleh Rasulullah SAW, maka ilmu ini dilihat signifikan untuk dilaksanakan oleh institusi-institusi yang berkeinginan untuk memperjuangkan Islam. Salah satu institusi yang berhasrat dan menyatakan matlamat untuk melaksanakan Islam ialah MPKB-BRI di Kelantan. MPKB-BRI merupakan sebuah institusi atau organisasi yang menguruskan hal ehwal perbandaran di Kota Bharu, Kelantan. Kota Bharu pula telah diisytiharkan sebagai bandar raya Islam (BRI) oleh Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra Ibn Almarhum Tuanku Yahya Petra pada 1 Oktober 2005 (Syed Dahij, 2005; MPKB, 2005). Oleh itu, setakat mana pelaksanaan bandaraya Islam yang cuba diketengahkan dalam pengurusan bandaraya Kota Bharu umumnya, dan di MPKB-BRI khususnya?

Selain itu, MPKB-BRI juga menggariskan visi sebagai sebuah organisasi yang unggul dan membangun serta memajukan bandar Kota Bharu, Kelantan sebagai sebuah Bandaraya Islam yang bersih, indah dan berdikari berteraskan dasar Membangun Bersama Islam, menyelaraskan dan mengawal aktiviti perbandaran agar selari dengan syariat Islam (MPKB-BRI, 2013). MPKB-BRI juga ini dikatakan antara institusi *hisbah* di Malaysia oleh sebilangan ilmuwan masa ini misalnya oleh Khairiah Mohamed (2008). Setakat mana persamaan antara *hisbah* dan MPKB-BRI dari aspek tasawur, matlamat dan elemennya? Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti dan memperinci asas-asas *hisbah* yang terdapat dalam pentadbiran MPKB-BRI.

Objektif Kajian

Kajian ini umumnya bertujuan mengkaji kedudukan *hisbah* di MPKB-BRI (MPKB-BRI), Kelantan³. Secara lebih khusus, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mencapai dua objektif kajian. Pertama, mengenal pasti dan menganalisis tasawur, matlamat dan elemen *hisbah* di MPKB-BRI dan kedua, merumuskan tasawur, matlamat dan elemen *hisbah* yang terdapat di MPKB-BRI.

Metodologi Kajian

³ Kerajaan Kelantan telah memperkenalkan falsafah pentadbiran Islam dengan slogan “Membangun Bersama Islam” (MBI) yang bermaksud Islam hendaklah dijadikan cara hidup dalam segala urusan (Suhana Saad & Marsitah Mohd Radzi, 2009:8). Bertitik tolak daripada falsafah tersebut, kerajaan pimpinan Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat yang kini merupakan mantan Menteri Besar Kelantan telah melaksanakan beberapa pembaharuan Islam dalam pelbagai sektor pentadbiran termasuklah urusan tadbir, kebudayaan, dakwah dan pembangunan insan, ekonomi dan kewangan, pendidikan, perundangan dan sebagainya (Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Syed Abdurahman Syed Hussin, 2011:27; Ramly Che Hussin, 2014; Samsudin Mamat, 2014; Siti Romilah Mat Yajid, 2014b). Semangat berkehendak kepada Islam menyebabkan kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan satu gagasan politik baru yang bertunjangkan Islam selepas pilihanraya umum kelapan (Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Syed Abdurahman Syed Hussin, 2011:27). Kesan daripada itu, pada 1 Oktober 2005, Kota Bharu telah diisytiharkan sebagai Bandar Raya Islam (BRI) oleh Duli Yang Amat Mulia Tuanku Al-Sultan Kelantan pada ketika itu, Tuanku Ismail Petra Ibn Almarhum Tuanku Yahya Petra (Syed Dahij, 2005; MPKB, 2005; *Majalah Kota Bharu Bandar Raya Islam*, 2006). Konsep Kota Bharu sebagai BRI merupakan manifestasi daripada dasar MBI yang telah diasaskan oleh kepimpinan kerajaan negeri Kelantan (Siti Romilah Mat Yajid, 2014b). Pengisytiharan Kota Bharu sebagai BRI ini juga telah menjadikan MPKB-BRI sebagai sebuah organisasi penting kepada pembangunan bandar tersebut. Sebagai Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MPKB-BRI diberi amanah dan mandat besar untuk menjayakan pelbagai bentuk program keIslaman memandangkan ia merupakan nadi kepada perkembangan politik dan pentadbiran negeri Kelantan. Di samping itu, MPKB-BRI juga dipertanggungjawabkan untuk melaksana tugas merancang, menyusun dan menguatkuasakan undang-undang berlandaskan ajaran Islam bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian warga kota di bandar Kota Bharu.

Metodologi kajian merupakan satu kaedah merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menjawab permasalahan kajian dan menyokong sesuatu rumusan. Untuk melaksanakan kajian ini dengan efektif, metodologi kajian ini dibahagikan kepada tiga perkara. Pertama, reka bentuk kajian; kedua, kaedah pengumpulan data; dan ketiga, kaedah penganalisan data.

Menurut Sabitha Marican (2006:81-83) dan Sekaran & Bougie (2010), reka bentuk kajian adalah satu gambaran keseluruhan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu penyelidikan itu dijalankan. Ia adalah satu rangka rujuk (*blueprint*) mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pensampelan, pengukuran dan analisis data manakala Chua Yan Piaw (2006:53) menyatakan reka bentuk kajian ditentukan oleh tujuan kajiannya. Disebabkan kajian ini merupakan kajian kualitatif, maka reka bentuk yang bersesuaian bagi kajian ini adalah kajian penjelasan (*explanatory research*). Kajian penjelasan merupakan kajian yang menerangkan sebab-sebab dan alasan berlakunya sesuatu keadaan (Adler & Clark, 2008:14; McNabb, 2013:303). Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian penjelasan dipilih disebabkan kajian ini cuba menjelaskan tasawur, matlamat dan elemen *hisbah* di MPKB-BRI.

Bagi kaedah pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data primer manakala kajian dokumen dilakukan untuk mendapatkan data sekunder. Lazimya, sumber data sekunder diperoleh daripada kajian dokumen yang terdiri daripada data yang diterbitkan dan juga tidak diterbitkan. Data-data ini mencakupi rujukan terhadap artikel, jurnal, prosiding, tesis, disertasi, buku dan sebarang bentuk teks yang berkaitan kajian ini.

Berikutnya adalah perbincangan tentang kaedah penganalisan data. Bersesuaian dengan kajian kualitatif, kesemua data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif (*qualitative content analysis*). Menurut Gardner (1968) dan (Neuman, 2003), kaedah analisis kandungan merupakan satu bentuk penyelidikan untuk membuat kesimpulan secara tersusun dengan mengenal pasti ciri-ciri spesifik tentang sesuatu perkara. Oleh itu, kaedah analisis kandungan diguna pakai dalam kajian ini bagi tujuan menganalisis dapatan tentang tasawur, matlamat dan elemen *hisbah* di MPKB-BRI yang telah diperoleh.

Sorotan Karya

Hisbah yang ditekankan dalam karya-karya klasik banyak tertumpu kepada penyeliaan pasar. Hal ini dapat dilihat misalnya dalam karya Ibn Taymiyyah (1983), al-Mawardi (1966) dan 'Abd al-Hasib Ridwan (1990). Namun demikian, dalam konteks masa kini, bidang tugas dan fungsi *hisbah* kelihatan semakin diperkembangkan mengikut keperluan semasa (Auni Abdullah, 2010). Bidang atau aspek-aspek yang diketengahkan dalam karya masa ini berkaitan *hisbah* adalah mencakupi hal ehwal *hisbah* itu sendiri, ekonomi, perundangan, sistem politik dan pentadbiran, jenayah dalam kewangan, kepenggunaan dalam pasaran, penyelewengan dalam pendidikan, kawalan korporat serta pemeliharaan alam sekitar. Aspek-aspek yang dinyatakan ini telah diketengahkan oleh karya yang dihasilkan oleh pengkaji antarabangsa dan juga pada peringkat tempatan. Karya Adamu (2008) misalnya bertujuan menganalisis *hisbah* dalam konteks 'informal policing' di Zamfara dan Kano di Nigeria. Ia juga bertujuan mencari lokasi isu tentang 'vigilantes' dalam konteks politik Nigeria. Karya Ahmed Mansour (2007) pula cuba menyetengahkan situasi yang berkisar tentang aktiviti sosialisasi masyarakat. Menurut beliau, wujud kelompok masyarakat yang berperibadi mulia

dan mengikut suruhan Allah SWT. Walau bagaimanapun, wujud juga kelompok masyarakat yang melakukan aktiviti tidak bermoral seperti pembunuhan, kecurian, perzinaan, fitnah, rasuah dan sebagainya. Dalam karyanya, beliau menyatakan *hisbah* tidak tertulis secara nyata dalam al-Qur'an, tetapi diinterpretasikan menerusi seruan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Penekanan dalam hal-hal begini ditekankan oleh Ibn Taymiyyah (1992:14-50) sama ada berkaitan hal-hal bersabit hukum hudud mahupun ta'zir.

Contoh dan peristiwa pelaksanaan *hisbah* yang diketengahkan kebanyakannya berlaku pada zaman Umayyah dan Abbasiyah. Menurut Ahmed Mansour (2007) lagi, di Arab Saudi badan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan *hisbah* dipanggil "*Committee for the Propagation of Virtue and the Prevention of Vice*" iaitu jawatankuasa untuk menyebarkan kebaikan dan menghalang maksiat serta tabiat buruk. Dalam kebanyakan negara Islam, penubuhan badan sebegini disebut "*religious police*" atau polis syariah. Jika diteliti, karya Ahmed Mansour (2007) dan Adamu (2008) ini difokuskan dalam bidang politik dan pemerintahan.

Bentuk karya ini berlainan pula dengan karya Susanne (2008), Ridwan Hasan (2009) dan Olaniyi (t.t.). Karya Susanne (2008) cuba menengahkan kes-kes berkaitan bid'ah yang menyeleweng dan pembelotan terhadap agama (murtad) di Mesir. Beliau menonjolkan peranan *hisbah* dalam menangani kes-kes yang berlaku di Mesir. Menurut beliau, Yusof al-Qardhawi menyifatkan isu atau masalah sebegini yang berlaku dalam kalangan cendekiawan dipanggil '*profesional criminal*'. Karya Ridwan Hasan (2009) pula membincangkan hukum adat vs teologi dan syariat Islam dalam *Wilayah al-hisbah* di Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Selanjutnya, karya Olaniyi (t.t.) pula bertujuan meneliti kapasiti atau keupayaan *hisbah* dalam menguatkuasakan undang-undang Syariah terhadap beberapa aspek. Antaranya aspek moral dan seksualiti, ruang identiti serta peraturan wilayah terhadap undang-undang Syariah. Jika diamati, ketiga-tiga karya ini berada dalam lingkungan bidang keagamaan.

Selain itu, terdapat karya yang menekankan fungsi institusi *hisbah* dalam meningkatkan kualiti tadbir urus terutamanya dalam perniagaan dan pemasaran termasuklah aspek ekonomi dan kewangan. Dalam hal ini, *hisbah* dikaitkan sebagai institusi atau badan yang boleh melindungi masyarakat daripada menyeleweng serta memastikan kebajikan masyarakat dari sudut keagamaan dan keduniaan sentiasa berada dalam landasan syariat (Amalina Abdullah, 2010).

Hisbah dikatakan turut memainkan peranan penting untuk melindungi sosial negara, ekonomi dan politik dengan menekankan konsep *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Menurut Amalina Abdullah (2010), pelaksanaan *hisbah* akan membuka jalan untuk melaksanakan tadbir urus yang baik dalam sistem pemerintahan. Cara terbaik untuk melaksanakan *hisbah* adalah dengan mewujudkan agensi seperti Suruhanjaya Anti Rasuah, Jabatan Audit Kebangsaan, Majlis Daerah, Jabatan Hal Ehwal Agama dan SUHAKAM.

Pandangan ini dilihat selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohamad Ezam Mohd Nor (2010b) dan Mohd Rumaizuddin Ghazali (t.t.). Menurut Mohamad Ezam Mohd Nor (2010b), *hisbah* tidak memerlukan penubuhan sebuah jabatan atau kementerian khusus untuk berfungsi. Sebaliknya asas-asas *hisbah* perlu menjadi panduan, diterap dan dilaksanakan oleh agensi-agensi sedia ada seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR), Biro Pengaduan Awam, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Menurut beliau lagi, dalam semua organisasi pengawasan ini perlu dipastikan

wujud kepatuhan kepada sistem *hisbah*. Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu patuh kepada sistem *hisbah* dan memberikan kebebasan sepenuhnya kepada agensi-agensi ini untuk melaksanakan tugas. Mohd Rumaizuddin Ghazali (t.t.) juga sependapat dengan Ezam Mohd Nor (2010b) dengan mengatakan badan yang memainkan peranan *hisbah* berkaitan kawalan harga dan pasar telah sedia wujud seperti KPDNKK dan urusan agama ditadbir oleh Jabatan Agama. Walaupun begitu, beliau menegaskan konsep *hisbah* perlu difahami dengan sebenar supaya ia benar-benar menggambarkan keadilan agama Islam.

Selain itu, bidang tugas *hisbah* juga dikaitkan dengan aspek tadbir urus atau juga dikenali sebagai *al-Siyasat al-Syar'yyat*. Dalam konteks ini, menurut Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy dan Asmak Ab Rahman (2011) serta Khairul Faezi Mohd Said (2002), terdapat beberapa prinsip yang dibangunkan khususnya oleh khalifah 'Umar Ibn al-Khatib r.a. semasa zaman pemerintahannya sebagai khalifah al-Rasyidin yang kedua. Prinsip tersebut termasuklah *hisbah*. Hal ini bermakna *hisbah* juga berhubungan dan mempunyai perkaitan dengan *al-Siyasat al-Syar'yyat*.

Bidang tugas *hisbah* turut dikaitkan sebagai badan yang bertanggungjawab dalam membanteras jenayah pengambilan wang haram dalam liabiliti jenayah korporat dan liabiliti pengantara profesional. *Hisbah* dikatakan berfungsi sebagai usaha untuk melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* termasuklah untuk menangani masalah pengambilan wang haram. Menurut Siti Faridah Abdul Jabbar (2011), ia secara tidak langsung mengaitkan *hisbah* sebagai badan atau institusi yang berperanan untuk memelihara aktiviti keagamaan, moral, ekonomi, sosioekonomi dan perniagaan.

Demikian merupakan perbincangan tentang kedudukan *hisbah* dalam karya semasa. Berikutnya merupakan perbincangan yang tertumpu kepada MPKB-BRI. MPKB-BRI bukan sahaja berperanan dalam memelihara bandar Kota Bharu, tetapi juga berperanan dalam mendidik masyarakat agar sentiasa mematuhi syariat Islam dengan cara pembasmian aktiviti maksiat dan kemungkaran dalam kawasan Majlis. Perkara ini adalah manifestasi MPKB-BRI yang boleh dikaitkan sebagai institusi yang melaksanakan fungsi *hisbah* kerana secara tidak langsung, objektif yang digariskan menggambarkan MPKB-BRI turut sama memainkan peranan dalam melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Selain itu, MPKB-BRI berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran yang sempurna kepada warga kota supaya dapat mewujudkan persekitaran yang bersih, indah, selesa dan kondusif, merancang dan menyusun pembangunan dengan kemas dan teratur, membangunkan projek-projek sosioekonomi dan kemudahan-kemudahan riadah serta menguatkuasakan undang-undang bagi menjamin kesejahteraan warga kota (MPKB-BRI, 2014).

Menurut Samsudin Mamat (2014), MPKB-BRI (2014), Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi (2009:8), Siti Romilah Mat Yajid (2014a) dan Laporan Tahunan MPKB-BRI (2012), falsafah pembangunan MPKB-BRI adalah berteraskan iman dan takwa. Falsafah iman dan takwa ini pula membentuk prinsip 5K iaitu Keilmuwan, Kepatuhan, Kebajikan, Kebersihan dan Kesejahteraan⁴. 5 prinsip ini diterapkan dalam perancangan pembangunan yang meliputi

⁴ Prinsip Keilmuwan yang digariskan oleh MPKB-BRI ini bertujuan mewujudkan masyarakat yang berilmu ke arah kesejahteraan hidup dunia dan akhirat. Prinsip ini menjadikan MPKB-BRI sentiasa berusaha untuk menghidupkan program-program agama dan melakukan dakwah secara lisan termasuklah meletakkan papan tanda yang menggambarkan kerohanian Islam (Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi, 2009:14; Siti Romilah Mat Yajid, 2014b; MPKB-BRI, 2014). Bagi merealisasikan Prinsip Kepatuhan pula, MPKB-BRI berusaha mewujudkan pelbagai program untuk menimbulkan rasa berTuhan dalam kalangan warga kota di samping menyediakan bimbingan masyarakat agar menghayati ajaran Islam. Bagi Prinsip Kebajikan, MPKB-BRI misalnya berusaha menyediakan infrastruktur dan prasarana yang dapat menjamin

pembangunan pengurusan, pembangunan insan, pembangunan ekonomi dan pembangunan fizikal yang memenuhi konsep asas sebuah BRI (Siti Romilah Mat Yajid, 2014b; Syed Dahij, 2005; MPKB, 2005).

Perbincangan dan Diskusi Kajian

Analisis bahagian ini dipecahkan kepada tiga aspek iaitu pertama, tasawur *hisbah*; kedua, matlamat *hisbah*; dan ketiga, elemen-elemen *hisbah* di MPKB-BRI.

i) Tasawur hisbah di MPKB-BRI

Secara mudah, perkataan tasawur boleh difahami sebagai tunjang kepada sesuatu perkara. Maka tunjang MPKB-BRI pula boleh dirujuk menerusi falsafah dan visinya. Dapatan mendapati MPKB-BRI adalah berteraskan kepada falsafah iman dan takwa. MPKB-BRI juga meletakkan visi “Ke Arah Mewujudkan Sebuah BRI yang sempurna, bersih, indah dan berdikari berteraskan Dasar Membangun Bersama Islam”. Menurut Ramly Che Hussin (2014) dan Wan Mohd Sharafi Wan Mustaffa (2014), walaupun penumpuan MPKB-BRI adalah kepada BRI, namun hakikat penghayatan dan kehendak kepada Islam itu sendiri adalah bertujuan mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Berdasarkan penemuan tasawur MPKB-BRI yang terdiri daripada falsafah dan visinya, didapati penekanan dan keutamaan yang diberikan adalah berteraskan kepada Islam. Elemen iman, takwa dan pengabdian kepada Allah SWT menjadi keutamaan pihak MPKB-BRI. Penekanan dan keutamaan yang terkandung dalam tasawur MPKB-BRI ini juga dilihat bertepatan dengan tasawur *hisbah*. Tasawur *hisbah* menurut Ibn Taymiyyah (1992:5) adalah untuk menghimpunkan semua wilayah agar bersatu dan beriman serta menegakkan kalimah Allah SWT. Ketiga-tiga penekanan ini adalah berasaskan kepada tujuan penciptaan manusia itu sendiri iaitu untuk mengenal Allah SWT.

Persamaan yang terkandung dalam tasawur MPKB-BRI dan tasawur *hisbah* yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah adalah terletak pada fungsi manusia itu sendiri sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. MPKB-BRI menekankan kepada iman, takwa dan pengabdian kepada Allah SWT manakala *hisbah* pula menekankan kepada bersatu, beriman dan menegakkan kalimah Allah SWT. Oleh sebab manusia adalah pelaku *hisbah* dan pelaku MPKB-BRI, maka manusia itu sendiri mestilah mempertahankan status mereka dalam hubungan menegaknya dengan Allah SWT dan hubungan mendatarnya sesama manusia dan sumber alam. Perkara ini juga bertitik tolak daripada hakikat Allah SWT adalah Pencipta dan manusia hanyalah makhluk yang diciptakan. Sebagai rumusan, tasawur MPKB-BRI adalah bersesuaian dengan tasawur *hisbah* yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah (1992) kerana kedua-duanya meletakkan Allah SWT sebagai keutamaan dan menjadikan fungsi manusia itu sendiri sebagai penekanan.

kesejahteraan dan kebajikan warga kota termasuklah dalam perlindungan nyawa dan harta benda. MPKB-BRI turut memperkasakan Prinsip Kebersihan dengan cara menggabungkan elemen-elemen kebersihan dari aspek kebersihan rohani warga kota dan fizikal bandar Kota Bharu itu sendiri. Kedua-dua penekanan ini mendorong MPKB-BRI melahirkan warga kota yang bersih hatinya di samping bersih juga fizikal bandar dan Kota Bharu seperti mewujudkan kehijauan taman. Prinsip Kesejahteraan yang terakhir digariskan dalam 5K adalah mencakupi memupuk semangat persaudaraan dan kehidupan yang harmoni walaupun bandar Kota Bharu terdiri daripada pelbagai kaum dan agama (Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi, 2009:14; Siti Romilah Mat Yajid, 2014b).

ii) *Matlamat hisbah di MPKB-BRI*

Di MPKB-BRI, matlamat yang digariskan boleh dilihat menerusi enam objektif yang telah ditetapkan. Pertama, memperkemas jentera pentadbiran Majlis supaya menjadi pihak Berkuasa Tempatan yang melaksanakan segala tindakan berasaskan perancangan yang teratur dan tersusun. Kedua, memperkukuh kewangan Majlis dengan mempertingkatkan keupayaan jentera pungutan hasil dan mengenal pasti punca-punca hasil baru. Ketiga, mempertingkat perkhidmatan perbandaran dengan memberi penekanan kepada aspek kebersihan dan keindahan Bandar. Keempat, mempertingkat program pembangunan insan untuk melahirkan warga kota yang berwibawa seterusnya menyumbang ke arah pembangunan fizikal dan rohani selaras dengan Kota Bharu Bandar Raya Islam. Kelima, mengutamakan dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti dan program pembangunan Majlis dan keenam, mempertingkat langkah-langkah pembasmian aktiviti maksiat dan kemungkaran dalam kawasan Majlis.

Dalam merealisasikan objektif sebagai matlamat MPKB-BRI ini terutamanya untuk mencapai objektif keenam, menurut Wan Mohd Sharafi Wan Mustafa (2012, 2014), MPKB-BRI juga turut mempunyai bahagian penguat kuasa yang telah lama ditubuhkan dengan semangat untuk melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* kepada masyarakat Kelantan. Perbincangan ini memperlihatkan matlamat MPKB-BRI mempunyai beberapa arah tuju. Salah satu daripadanya adalah penekanan kepada *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* sebagai manifestasi kepada matlamat MPKB-BRI. Perkara ini turut disokong menerusi Samsudin Mamat (2014) yang menyuarakan bahawa MPKB-BRI menjalankan tugas demi untuk mencapai *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*.

Matlamat MPKB-BRI ini dilihat selari dengan matlamat *hisbah*. Menurut Ibn Taymiyyah (1992:10) misalnya, keseluruhan umat manusia harus melakukan perintah kepada kebaikan dan melakukan larangan terhadap perkara-perkara kemungkaran. Penekanan yang beliau kemukakan ini sekali gus menjadikan perkara tersebut sebagai matlamat *hisbah* yang disebut *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*.

iii) *Elemen-elemen hisbah di MPKB-BRI*

Dalam *hisbah*, terdapat empat elemen penting yang menggerakkan *hisbah* iaitu *muhtasib*, *muhtasab 'alayh*, *muhtasab fih*, dan *ihtisab*. *Muhtasib* ialah pelaksana *hisbah* yang telah dilantik oleh pihak berkuasa dan masyarakat wajib mentaati perintahnya. Dalam konteks MPKB-BRI, *muhtasib* boleh dirujuk sebagai individu pelaksana atau dipanggil pegawai yang telah dilantik untuk menjalankan fungsi MPKB-BRI. Untuk bahagian penguatkuasa, individu yang dilantik dipanggil pegawai penguat kuasa atau anggota penguat kuasa. Wan Mohd Sharafi Wan Mustaffa (2014) mengatakan syarat kelayakan untuk menjadi anggota penguat kuasa MPKB-BRI adalah tertakluk kepada syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Antaranya, berakal, mempunyai kelayakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan, berpengetahuan dan tegas.

Syarat ini dilihat mempunyai perbezaan dengan syarat yang dikenakan ke atas *muhtasib hisbah*. Misalnya, menurut Ibn Taymiyyah (1992:14), seseorang yang dilantik menjadi *muhtasib* mestilah seorang yang taat kepada perintah Allah SWT dan Rasul, adil, beilmu, terdiri daripada orang yang soleh, boleh membezakan antara *ma'ruf* dan mungkar serta beramal sesuai dengan yang diperintahkan dan yang dilarang. Perbezaan yang ketara dapat

dilihat adalah kepada elemen keagamaan. *Hisbah* menekankan individu yang berpegang dan berpengetahuan agama manakala MPKB-BRI menekankan kepada individu yang berkelayakan terutamanya dari aspek pendidikan. Di samping itu, anggota penguat kuasa MPKB-BRI juga diberi kuasa untuk menggunakan tindakan penyamaran dan pengintipan dalam usaha memantau aktiviti masyarakat (Khairiah Mohamed, 2008:131). Walau bagaimanapun, dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada anggota atau pegawai MPKB-BRI, mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan dan cabaran. Antaranya ialah kesediaan kakitangan dalam melaksanakan tugas secara telus dan jujur di samping kurangnya kefahaman yang mendalam terhadap suruhan Allah SWT dalam melaksanakan *al-amar bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar*. Hal ini diakui sendiri oleh Wan Mohd Sharafi Wan Mustafa (2014) dan Samsudin Mamat (2014). Mereka mengatakan hal ini adalah cabaran untuk pihak MPKB-BRI memberi kefahaman yang jelas kepada setiap pegawai agar pelaksanaan yang dilakukan lebih telus dan efisien. Berdasarkan penerangan Ibn Taymiyyah (1992), didapati pelantikan *muhtasib* menekankan kepada keimanan dan pengetahuan yang tinggi kepada agama. Pelantikan pegawai di MPKB-BRI pula adalah tertakluk kepada syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Oleh itu, didapati bahawa tidak semua syarat pelantikan pegawai MPKB-BRI menyamai *muhtasib hisbah*. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa keimanan, keteguhan hidup beragama, cabaran arus globalisasi dan tuntutan hidup bermasyarakat masa kini menjadikan syarat pemilihan pegawai penguatkuasa MPKB-BRI berbeza dengan syarat *muhtasib*.

Muhtasab 'alayh pula ialah pihak yang meninggalkan perbuatan yang *ma'ruf* atau melakukan perbuatan yang mungkar. Dalam perkataan lain, *muhtasab 'alayh* ialah pihak yang menjadi sasaran dan dikenakan tindakan *hisbah*. Dalam konteks MPKB-BRI, *muhtasab 'alayh* atau sasaran yang dikenakan tindakan adalah terdiri daripada golongan masyarakat yang terletak di bawah pentadbiran yang diperuntukkan ke atas MPKB-BRI. Oleh itu, mana-mana golongan masyarakat yang melakukan kemungkaran misalnya peniaga yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh MPKB-BRI, maka mereka adalah *muhtasab 'alayh* dan boleh dikenakan tindakan mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Pendekatan MPKB-BRI ini selari dengan *muhtasab 'alayh hisbah*. *Muhtasab 'alayh* yang dikenakan tindakan *hisbah* adalah berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan. Sekiranya kesalahan tersebut tidak berkaitan dengan urusan keagamaan seperti solat atau puasa, maka orang bukan Islam juga tidak ada yang terkecuali. Keadaan ini menjadikan tidak ada sesiapa yang berhak untuk mendapat pengecualian daripada dikenakan *hisbah* termasuklah pihak pemerintah, pegawai kerajaan, para hakim, golongan profesional dan golongan bawahan (Ibn Taymiyyah, 1992:14; 1983:23). Menurut Wan Sharafi Wan Mustaffa (2014), perkara ini juga dilakukan oleh MPKB-BRI untuk memastikan jenayah tidak dilakukan oleh semua golongan masyarakat.

Muhtasab fih ialah perkara yang menjadi perhatian *hisbah*. Di MPKB-BRI, terdapat beberapa usaha yang dilakukan sebagai perkara yang menjadi perhatian dan tanggungjawab MPKB-BRI. Antaranya, pengharaman judi, kedai *TOTO* dan Nombor Ekor, peraturan baru kedai gunting rambut, pembatalan lesen pusat hiburan dan permainan seperti *video Games*, *snooker* dan *karaoke*, jual beli di premis perniagaan, pelaksanaan peraturan baru lesen hiburan, kempen kesedaran dan kuat kuasa pakaian menutup aurat di Pejabat Kerajaan dan premis perniagaan, penggantungan sementara urusniaga waktu solat, penyusunan semula penjualan arak, pencegahan maksiat pelacuran, mengawal kegiatan khalwat, peraturan papan tanda yang melibatkan wanita dan melaksanakan Program Persekitaran Berkualiti 5S (Siti Romilah Mat Yajd, 2014a; Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Syed Abdurahman Syed Hussin, 2011:31; Samsudin Mamat, 2014; Wan Mohd Sharafi Wan Mustaffa, 2014;;

Ramly Che Hussin, 2014). Perkara-perkara yang menjadi perhatian MPKB-BRI ini juga dilihat turut ditekankan oleh Ibn Taymiyyah (1992) misalnya dalam aspek solat, zakat, jual beli, penetapan harga barangan dalam urusan jual beli dan beberapa hal lain. Keadaan ini meletakkan titik persamaan antara MPKB-BRI dengan *muhtasab fih hisbah*.

Selain itu, selaras dengan dasar “Membangun Bersama Islam”, kerajaan Negeri Kelantan telah mengeluarkan beberapa perintah mengharamkan kegiatan judi yang telah beroperasi semasa kerajaan yang terdahulu. Pengharaman tersebut menyedarkan dan menghindarkan orang ramai daripada sebarang bentuk kegiatan judi kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam. Perkara ini dihuraikan oleh Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika mengemukakan peraturan mengharamkan segala bentuk judi dalam belanjawan Negeri Kelantan 1991 pada Disember 1990 (Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Syed Abdurahman Syed Hussin, 2011:37). Selain pengharaman judi, MPKB-BRI juga turut mengadakan peraturan baru bagi kedai gunting rambut. Pihak MPKB-BRI telah mendapat tahu bahawa terdapat kegiatan maksiat yang berlaku di sebilangan kedai gunting rambut yang beroperasi di Kota Bharu. Untuk mengelakkan kedai gunting rambut menjadi sarang maksiat, maka MPKB-BRI telah mengenakan syarat-syarat untuk memperbaharui lesen bagi semua kedai gunting. Antara syarat tersebut dinyatakan sendiri oleh Wan Mohd Sharafi Wan Mustaffa (2014):

“Kedai gunting rambut yang beroperasi hendaklah lapang dan tidak berbilik, pekerja mesti berpakaian sopan, memakai kad pengenalan, waktu berniaga tidak melebihi jam 10.00 malam. Peniaga juga tak dibenarkan menjalankan perniagaan pada malam Jumaat dan jumlah pekerja tidak boleh melebihi sekali ganda daripada jumlah kerusi yang ada dalam kedai tersebut”

Walau bagaimanapun, menurut Wan Mohd Sharafi Wan Mustaffa (2014). Samsudin Mamat (2014), Ramly Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Syed Abdurahman Syed Hussin (2011:39), dalam usaha melaksanakan dasar Islam, MPKB-BRI menghadapi pelbagai cabaran. MPKB-BRI sukar menjalankan penguatkuasaan peraturan baru tersebut kerana banyak pihak yang melakukan pelanggaran terhadap peraturan yang dikuatkuasakan. Meskipun begitu, MPKB-BRI dapat menangani permasalahan ini dengan baik termasuk memberi nasihat dan menyedarkan masyarakat tentang peri pentingnya peraturan tersebut. Dalam erti kata lain, MPKB-BRI telah menutup ruang-ruang yang mendorong berlakunya kemungkaran dan maksiat dalam kalangan warganya. Hal ini jelas selaras dengan matlamat *hisbah* iaitu untuk melaksanakan *al-amr bi al-ma’ruf wa al-nahy ‘an al-munkar*.

Di samping itu, MPKB-BRI turut melakukan pembatalan lesen pusat hiburan dan permainan seperti *video games*, *snooker* dan *karaoke*. Menurut Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Syed Abdurahman Syed Hussin (2011:40), bermula 1 Januari 1993, MPKB-BRI telah membatalkan semua lesen premis pusat *video games* dan *snooker* disebabkan terdapat kegiatan perjudian dan maksiat dalam premis tersebut manakala pusat karaoke juga dihentikan operasinya apabila MPKB-BRI membatalkan lima lesen karaoke pada tahun 1995 kerana melanggar syarat-syarat MPKB-BRI.

Penekanan MPKB-BRI sebagaimana yang diketengahkan dalam bahagian *muhtasab fih* ini memperlihatkan bidang sasaran MPKB-BRI selari dengan *muhtasab fih hisbah*. Perkara ini adalah disebabkan ia terdiri daripada aspek yang berkaitan *al-amr bi al-ma’ruf* (menyuruh

kepada kebaikan) dan *al-nahy 'an al-munkar* (mencegah daripada kemungkaran) khusus untuk warga kota, Kota Bharu BRI. Kesemua usaha yang dilakukan oleh MPKB-BRI ini dilihat sebagai satu bentuk perancangan dan pelaksanaan untuk merealisasikan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* ke atas warga Kota Bharu. Oleh itu, dapat disimpulkan MPKB-BRI bersesuaian dengan *muhtasab fih* yang ditekankan dalam *hisbah* kerana adanya unsur pengajakan kepada kebaikan dan pencegahan kemungkaran. Walau bagaimanapun, sekiranya MPKB-BRI mampu membawa Kota Bharu sebagai Bandar Raya Islam yang tiada langsung kedai-kedai berunsur judi dan penjualan arak, hal ini tentu lebih memenuhi ciri-ciri BRI itu sendiri. Begitu juga dengan pelaksanaan kaedah 5S yang digunapakai. Kaedah 5S ini merupakan kaedah yang dibangunkan di Jepun. Paradigma pembangunan kaedah tersebut adalah beracukan paradigma lazim dan mengikut aliran moden. Sekiranya pihak MPKB-BRI boleh melaksanakan pentadbiran mereka dengan beracukan kaedah yang benar-benar beracukan sumber dan paradigma Islam, tentu sekali MPKB-BRI dapat mengamalkan Islam dengan lebih holistik selaras dengan hasrat BRI itu sendiri.

Dalam *hisbah*, *ihtisab* diertikan sebagai bentuk tindakan yang dikenakan ke atas *muhtasab 'alayh hisbah* atau pihak yang menjadi sasaran *hisbah*. Dalam konteks MPKB-BRI, *ihtisab* boleh dilihat sebagai bentuk tindakan yang dikenakan ke atas warga Kota Bharu yang melanggar peraturan sedia ada. Tindakan dan penguatkuasaan yang dilakukan melibatkan kesalahan-kesalahan tata kelakuan kecil di bawah bidang kuasa MPKB-BRI selaku PBT di tempat-tempat awam, manakala kesalahan-kesalahan tata kelakuan berat berbentuk jenayah dalam kalangan masyarakat diambil tindakan penguatkuasaan oleh pihak polis. Kesalahan maksiat di tempat persendirian dan awam berada di bawah kuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK). Namun demikian, pada hakikatnya pihak polis dan MPKB-BRI bekerjasama dalam melaksanakan penguatkuasaan dan menegakkan undang-undang.

Terdapat beberapa bentuk hukuman yang dikenakan oleh MPKB-BRI ke atas pesalah atau dalam *hisbah* diistilahkan sebagai *muhtasab alayh*. Menurut Wan Mohd Sharafi Wan Mustaffa (2012, 2014) dan Ramly Che Hussin (2014), bentuk penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh MPKB-BRI adalah secara berperingkat-peringkat. Tindakan yang dikenakan adalah bermula dengan tindakan lembut seperti amaran kepada tindakan yang lebih tegas iaitu rampasan, pelupusan dan dakwaan. Dalam erti kata lain, MPKB-BRI boleh mengambil langkah-langkah pelaksanaan penguatkuasaan yang sesuai sebagaimana bidang kuasa yang diperuntukkan. Ia dilakukan dengan cara menasihati dan mengkompaun terhadap kes kelakuan kurang sopan. Contohnya, dalam kes penjualan arak, MPKB-BRI boleh mengambil tindakan merampas arak tersebut (MPKB-BRI, 2014; Samsudin Mamat, 2014). Perbincangan *ihtisab* ini mencerminkan bentuk-bentuk hukuman yang dilakukan oleh pihak MPKB-BRI terdiri daripada beberapa peringkat. Peringkat-peringkat hukuman yang dikenakan ini pula dilihat menepati bentuk hukuman atau *ihtisab* jika dilihat berdasarkan pandangan Ibn Taymiyyah. Setidak-tidaknya, tindakan mengatasi masalah dan kemungkaran dengan tangan sebagai tindakan pertama telah dilakukan oleh MPKB-BRI.

Berdasarkan perbincangan ini, MPKB-BRI telah menunjukkan usaha yang sangat komprehensif dalam mendukung falsafah, visi, objektif dan prinsip yang telah dirancang. Usaha-usaha yang dilaksanakan adalah demi untuk merealisasikan gagasan “Membangun Bersama Islam” dan matlamat BRI itu sendiri. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang dan peluang yang boleh dilakukan untuk memperkasa lagi perancangan, pelaksanaan dan pengawasan sedia ada yang telah dilakukan.

Rumusan

Ringkasnya, *hisbah* adalah satu bentuk menifestasi kepada seruan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Penganalisan yang dilakukan ke atas MPKB-BRI dari aspek tasawur, matlamat dan elemen memperlihatkan MPKB-BRI juga bertepatan dengan *hisbah* pada sesetengah keadaan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang berbeza dan dilihat perlu kepada penambahbaikan dan pemerkasaan agar matlamat mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran itu dapat dicapai dengan berkesan dan efisien. MPKB-BRI juga adalah sebuah institusi yang bertujuan memastikan matlamat bandar Kota Bharu sebagai BRI dapat dicapai. Fungsi ini juga sebenarnya adalah salah satu fungsi yang dimainkan oleh *hisbah* dalam Islam.

Rujukan

- 'Abd al-Hasib Ridwan (1990). *Dirasah fi al-Hisbah min al-Nahiyah al-Tarikhiyah wa al-Fiqhiyah*. Al-Qahirah: Al-Matba'ah al-Islamiyyah al-Hadithah.
- 'Abd Allah Muhammad 'Abd Allah (1996). *Wilayah al-Hisbah fi al-Islam*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syu'ara'.
- Adler, E. S., & Clark, R. (2011). *An invitation to siosial research: How it's done* (4th Ed). Belmont, CA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Al-Ghazaliy, Muhammad (1984). *Amar makruf nahi mungkar*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Al-Mawardi, Abu al-Hassan 'Ali Muhammad Habib al-Basriy (2010). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyah.
- Asmadi Mohamed Naim (2008). *Maqasid syariah dan pemikiran pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Auni Abdullah (2000). *Hisbah dan pentadbiran negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Ibn Taymiyyah (1973). *Al-Hisbah fi al-Islam aw Wazifah al-Hukumah al-Islamiyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah (1983). *Public Duties in Islam: The Institution of the Hisba*. Muhtar Holland. (terj.) *al-Risalah fi al-Hisbah*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Ibn Taymiyyah (1992). *Al-Hisbah fi al-Islam Wazifah al-Hukumah al-Islamiyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah (1994). *Amar ma'ruf nahi mungkar*. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Ramadhan.
- Ibrahim Dasuqiy (1962). *Al-Hisbah fi al-Islam*. Al-Qahirah: Maktabah Dar al-'Urubah.
- Mardzelah Makhsin (2008). *Hisbah: Sistem pengawasan dan etika pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- MPKB (Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam). (2005). Pengisytiharan KB Bandaraya Islam bukan retorik politik. Diakses daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0930&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm pada 9 Julai 2014.
- MPKB-BRI (Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam). (2014). *Sejarah MPKB-BRI*. Diakses daripada <http://www.mpkbbri.gov.my> pada 18 Ogos 2014.
- MPKB-BRI (Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam). (2017). *Sejarah MPKB-BRI*. Diakses daripada <http://www.mpkbbri.gov.my> pada 18 September 2017.
- MPKB-BRI (Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam). (2013). Diakses daripada <http://www.mpkbbri.gov.my/latarbelakang> pada 23 Februari 2013.
- Neuman, W. L. (2003). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.

- Ramly Che Hussin (2014) sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Temu bual dilakukan pada 18 September 2014, jam 6.00 petang.
- Sabitha Marican (2006). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Pearson Printice Hall.
- Samsudin Mamat (2014) sebagai Pengarah Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Temu bual dilakukan pada 23 Oktober 2014, jam 6.00 petang.
- Sekaran, U. (2005). *Research methods for business: A skill-building approach*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Syed Abdurahman Syed Hussin (2011). Keberkesanan program KeIslaman yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dari tahun 1990 hingga tahun 2000: Kajian di kalangan kakitangan MPKB. *Al-Basirah (2011), Vol. 1, No.1, 27-52*.
- Siti Romilah Mat Yajid (2014a). Prinsip Pembangunan Kota Bharu Bandar Raya Islam dari Perspektif Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Kertas kerja ini dibentangkan di *The 9th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2014)*, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM, Pulau Pinang, pada 27-28 Oktober 2014, di Dewan Persidangan Universiti (DPU), Pulau Pinang.
- Siti Romilah Mat Yajid (2014b). Ke Arah Perbandaran Islam: Kajian Terhadap Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) Di Kelantan. Kertas kerja ini dibentangkan di *Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam (WAPI-7)*, 6-9 Mei 2014 bertempat di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSK), Medan, Indonesia.
- Suhana Saad & Marsitah Mohd Radzi (2009). Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan. *Geografia Online TM Malaysian Journal of Society and Space 5 issue 3, 8-25*.
- Syed Dahij (2005). *Kota Bharu jadi Bandar raya Islam pertama di Negara ini*. Diakses daripada <https://www.mail-archive.com/harakahdaily@yahoo.com/msg02469.html> pada 1 Ogos 2014.
- Wan Mohd Sharafi Wan Mustaffa (2014) sebagai Penolong Pengarah Pembangunan Insan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Temu bual dilakukan pada 17 Oktober 2012, jam 11.00 pagi bertempat di pejabat beliau. Temubual susulan pula dilakukan pada 24 Julai 2014, jam 3.30 petang.